

07 FEB 1998

NASIHAT UNTUK KEPENTINGAN PARTI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa nasihatnya kepada anggota Umno supaya tidak mempertandingkan jawatan ketua bahagian adalah tertakluk kepada bahagian-bahagian di negeri Kelantan sahaja.

"Ya, nasihat itu untuk Kelantan sahaja tetapi kalau tempat-tempat lain pun terima, apa salahnya," katanya kepada pemberita di sini sekembalinya daripada mengadakan lawatan singkat ke Thailand, Filipina dan Singapura.

Dr Mahathir mengulas mengenai sikap sesetengah pemimpin bahagian Umno di Kelantan yang masih bercadang mempertandingkan jawatan berkenaan walaupun sebelum ini diminta untuk tidak berbuat demikian bagi mengelakkan perpecahan di kalangan anggota parti.

Dr Mahathir, yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata terpulang kepada anggota-anggota Umno untuk mentafsirkan nasihat beliau sebagai nasihat atau arahan tetapi "tak ada gunanya saya membuat nasihat yang ditolak kerana kepentingan diri."

"Kalau mereka mengutamakan kepentingan parti, mereka akan terima bahawa nasihat saya itu adalah demi kepentingan parti," katanya. -- BERNAMA

RAZ AKD